

PESTA SENI NUS 2017

Pelajari rakaman bunyi dan mesej yang dihantar ke angkasa pada 1977

► NURMAYA ALIAS
numayaa@sph.com.sg

PELUANG terlibat dalam pementasan The Golden Record membuat dua mahasiswa, Encik Muhd Nur Aliff Kamaruddin dan Encik Fadhil Daud, mempelajari tentang rakaman bunyi dan mesej yang pernah dihantarkan ke angkasa pada 1977.

The Golden Record merupakan sebuah rekod peti nyanyi (fonograf) bersadur emas yang mengandungi 115 imej dan pelbagai jenis bunyi semula jadi seperti bunyi lautan, angin, petir, burung dan binatang lain daripada budaya dan era berbeza; ucapan manusia dalam 55 bahasa serta cetakan mesej daripada mantan Presiden Amerika, Encik Jimmy Carter.

Kandungan rekod itu telah dipilih untuk Amerika, Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Kebangsaan (Nasa) oleh satu jawatankuasa yang dipengerusikan Encik Carl Sagan dari Universiti Cornell.

Kapal angkasa lepas 'Voyager 1' telah membawa rakaman The Golden Record itu ke angkasa pada 1977 dengan tujuan membolehkannya menyampaikan kisah manusia kepada makhluk angkasa.

"Ramai di kalangan pelajar kurang tahu tentang The Golden Record. Jadi, pada awal sesi latihan, kami duduk berbincang dengan bimbingan pelakon, penulis dan pengarah mapan di Singapura tetapi berasal dari Australia, Edith Podesta, tentang pemahaman kami mengenai rakaman ini," kata Encik Nur Aliff, 22 tahun, mahasiswa jurusan sosiologi.



DIBAWA KE ANGKASA: 'The Golden Record' merupakan rekod peti nyanyi (fonograf) bersadur emas yang mengandungi 115 imej dan pelbagai jenis bunyi semula jadi.

Menggunakan proses mengolah teater atau istilah Inggeris *devised theatre*, seramai 23 barisan pelakon daripada kumpulan drama Inggeris, NUS Stage, akan menyampaikan kandungan rekod tersebut dalam satu persembahan sempena Pesta Seni Universiti Nasional Singapura (NUS) 2017.

Pesta edisi ke-12 itu bertemakan *Brave New Worlds* dan akan berlangsung dari 10 hingga 25 Mac.

Diarah Podesta, ia akan dipentaskan pada 17 dan 18 Mac ini di studio tari Pusat Kebudayaan Universiti (UCC) NUS.

Menurut Podesta, cabarannya selaku pengarah ialah memikirkan bagaimana beliau boleh menyampaikan pementasan yang menghiburkan.

"Naskhah pementasan ini adalah berdasarkan fakta, setiap perkataan merupakan tulisan Encik Sagan.

"Jadi, bagaimanakah hendak menghidupkan fakta di atas pentas dan bagaimanakah saya cuba mempersembahkan fakta ini dalam tempoh sekitar melebihi sejam?" jelas Podesta.

Bagaimanapun, beliau berkata penonton bakal melihat 60 watak beralian yang akan dipersembahkan selain mendengar pelbagai jenis muzik yang dipaparkan dalam rekod tersebut.

Penonton juga bakal mengetahui bahawa Encik Sagan telah meminta lagu Beatles, *Here Comes the Sun*, untuk dirakamkan dalam rekod itu tetapi syarikat penerbitan EMI tidak mengizinkan.

"Pementasan ini sesuai ditonton oleh semua orang kerana ia memaparkan kisah kemanusiaan.

"Ia juga membuat penonton berfikir jika mereka boleh merakamkan kisah mereka dalam sebuah rekod, apakah cerita yang bakal dirakamkan untuk memberitahu cucu cicit pada masa depan?" kata Encik Fadhil.

► Pementasan teater *The Golden Record*, akan dipersembahkan pada 17 dan 18 Mac ini bermula 8 malam di studio tari Pusat Kebudayaan Universiti (UCC). Persembahan matinee diadakan pada 18 Mac, 3 petang. Tiket berharga \$19 daripada laman web, www.nusartsfestival.com.



PELAJARI TENTANG 'THE GOLDEN RECORD': Anggota kumpulan NUS Stage, Encik Fadhil Daud (*berdiri*) dan Encik Muhd Nur Aliff Kamaruddin (*duduk*), menjalani pelbagai sesi perbincangan. Bersama mereka ialah pengarah Edith Podesta (*berbaju kuning*) bagi memahami lebih lanjut tentang rekod The Golden Record. – Foto-foto NURMAYA ALIAS

Menyusuri jalan kenangan dalam tiga tahap persembahan tari



SESI LATIHAN: Jurutari mapan dan Pengarah Artistik kumpulan tari NUS Dance Ensemble, Encik Zaini Mohammad Tahir (*kiri*), sedang menunjukkan kepada para penari tentang gerak tari yang bakal dipersembahkan dalam persembahan *Remember When...* di studio tari yang terletak di Pusat Kebudayaan Universiti, Universiti Nasional Singapura. – Foto JOHARI RAHMAT

HARI demi hari, landskap Singapura berubah pesat dan sebuah tempat yang asalnya wujud kian menghilang – dari sebuah pokok, bangunan atau tanda sesebuah tempat.

Sebagai warga Singapura, jurutari mapan, Encik Zaini Mohammad Tahir, mula memikirkan soalan seperti pernahkah beliau tinggal di sesebuah tempat itu? Perluah tempat itu melalui perubahan fizikal?

Namun, bagaimanakah jika tempat itu berubah lagi? Adakah warga Singapura kian hilang kenangan indah bagi sebuah tempat itu, rasa kekitaan atau semangat jati diri?

Perubahan pesat dan persoalan tersebut menjadi inspirasi buat Encik Zaini, Pengarah Artistik kumpulan tari Dance Ensemble Universiti Nasional Singapura (NUS) dalam mencipta pementasan tari kontemporari Asia, *Remember When...* sempena Pesta Seni NUS 2017.

Persembahan *Remember When...* yang dipersembahkan NUS Dance Ensemble ini akan diadakan pada 17 Mac di Dewan Pusat Kebudayaan Universiti (UCC).

"Persembahan tari ini melihat pada perubahan di Singapura dari tahun 1960-an hingga 1995.

"Ia juga meneroka bagaimana kehilangan tempat-tempat di Singapura boleh membuat rakyat berasa kehilangan dari rasa kekitaan dan semangat jati diri.

"Lebih penting lagi, adakah perubahan pesat di Singapura ini berbaloi?" ujar Encik Zaini.

Lantaran itu, beliau telah membahagikan persembahan tari itu kepada tiga bahagian – *What we are in Shenton Way?*, *Exploration of Different Spaces* dan pembangunan di kawasan Queens-town, estet perumahan flat HDB pertama di Singapura.

Menjelaskan tiga bahagian dalam persembahan tari itu, Encik Zaini berkata: "Shenton Way melambangkan persekitaran bandar dan moden Singapura, di mana rakyat sentiasa bergerak pantas.

"Persembahan bahagian kedua memberi tumpuan kepada kawasan Kampong Glam dan kehilangan suasana kampung di Singapura. Gerak tari inang bakal diterapkan dalam persembahan bahagian ini.

"Persembahan bahagian ketiga melihat pada perubahan pesat di estet perumahan pertama Singapura," katanya.

Memandangkan penarinya merupakan mahasiswa dan dilahirkan selepas

1985, ramai mungkin sukar mempunyai nostalgia tentang sesebuah tempat.

Lantas, beliau meminta penarinya membuat kajian dengan bertanyakan kisah kehidupan ibu bapa mereka, mengajak mereka ke kawasan Kampong Glam serta bekerjasama dengan Jabatan Seni Bina NUS dan Jabatan Geografi NUS.

"Persembahan ini bersesuaian dengan tema Pesta Seni NUS, *Brave New Worlds*, kerana ia membuat penonton berfikir, apakah yang mereka benar-benar rasa tatkala perubahan pesat landskap Singapura?" kata Encik Zaini.

Beliau menambah bahawa dalam mencipta persembahan ini, penari juga telah melakukan pelbagai kajian dan mempelajari perkara baru.

"Ini sepadan dengan objektif Pesta Seni NUS yang menggalakkan pelajar terus mempelajari sesuatu yang baru di samping mengasah bakat kreatif mereka," kata Encik Zaini.

► Persembahan *'Remember When...'* dipentaskan pada 17 Mac ini, 8 malam, di Dewan Pusat Kebudayaan Universiti (UCC). Tiket berharga \$27 (*dewasa*) dan \$19 (*pelajar*) dari laman web, www.nusartsfestival.com.